

Dr. Adma - ulazan

YONG CHEE KONG
Lot 22, Lorong Kenawai 5
Taman Sinar Baru, Jalan Damai,
88450 Kota Kinabalu, Sabah

Tarikh : 01hb Februari 2021

YAB CHOW KON YEOW
Ketua Menteri Pulau Pinang,
Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang,
Tingkat 28, Komtar, 10503 Pulau Pinang

Salam hormat dan salam sejahtera YAB,

YAB,

MENYUMBANG PEMBELIAN VAKSIN COVID 19 UNTUK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

1. Saya adalah rakyat Malaysia dan merupakan Pengarah Urusan untuk syarikat Xintai Development Enterprise Ltd yang berpangkalan di Hong Kong. 18/11/2013
2. Wabak penyakit covid-19 yang melanda sejak tahun lepas bukan sahaja mengancam nyawa rakyat tetapi juga membantutkan ekonomi negara.
3. Sukacita saya dengan ini menawarkan sumbangan berbentuk vaksin (keluaran Sinovac Biotech Ltd, Beijing) bagi wabak covid-19 khusus untuk rakyat negeri Pulau Pinang bagi meminimakan kesan jangka masa panjang pandemik ini. Derma ini adalah dalam bentuk pembayaran kepada pihak Sinovac Biotech Ltd untuk kos vaksin sebanyak dua juta dos (2,000,000 dos).
4. Untuk makluman YAB, saya telah berhubung awal dengan pihak Sinovac Biotech Ltd melalui pegawai jualan antarabangsa (Ms. Coco Chang). Pihak YAB boleh berhubung terus dengan pegawai berkenaan untuk maklumat lanjut. Cara tempahan adalah:
 - (i) kami membayar deposit (2 juta USD) sebagai tanda minat kepada vaksin keluaran Sinovac Biotech Ltd sebelum Tahun Baru Cina pada harga yang telah dipersetujui awal antara saya dan pihak Sivoac Biotech Ltd.
 - (ii) Rundingan antara pihak kerajaan Pulau Pinang / Kementerian Kesihatan Malaysia dan Sinovac Biotech Ltd dibuat.
 - (iii) Sekiranya rundingan berjaya, saya akan membayar amaun penuh untuk 2 juta dos vaksin kepada Sinovac Biotech Ltd bagi pihak kerajaan Negeri Pulau Pinang.
 - (iv) Kesemua transaksi bayaran akan saya buat di akaun HSBC persendirian saya di Hong Kong
5. Dilampirkan bersama maklumat berkaitan dengan syarikat vaksin yang dicadangkan untuk tindakan lanjut pihak YAB.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


YONG CHEE KONG



*Dr. Adma / Yap
Bila minta
ulazan daripada
KKM
lh
1/2*